



**ORANG** ramai melihat kesan letupan yang mengorbankan 71 orang termasuk lima kanak-kanak dekat makam Saidatina Zainab di luar bandar Damsyik, Syria. - AGENSI

# 71 terbunuh letupan berani mati oleh militan IS di Syria

- Utusan Malaysia *Center* 2/2/16 - m/s 14

**DAMSYIK 1 Feb.** - Seramai 71 orang terkorban termasuk lima kanak-kanak, manakala berpuluh-puluh lagi cedera dalam kejadian letupan bom berhampiran Makam Saidatina Zainab di luar ibu negara Syria, semalam.

Kumpulan IS mengaku bertanggungjawab terhadap letupan tersebut yang membentuk kawah besar di jalan, memusnahkan beberapa kereta serta sebuah bas selain turut memecahkan tingkap-tingkap bangunan berdekatan.

Menurut agensi berita rasmi SANA, letupan pertama berpunca daripada sebuah bom kereta di sebuah stesen bas dekat makam berkenaan.

Letupan kuat turut menjejaskan sebuah stesen bas dan ibu pejabat tentera berhampiran.

Jelas laporan itu, dua pengepoh berani mati kemudian melepaskan tali pinggang yang dipakai apabila orang ramai mula berkumpul di tempat kejadian.

Saksi memberitahu turut mendengar letupan ketiga, namun perkara itu tidak dapat disahkan.

Menurut Pemerhati Hak Asasi

## Serangan bom di Syria



Manusia Syria, mangsa yang maut terdiri daripada 42 anggota tentera Syria, manakala 29 lagi adalah orang awam.

Jelas badan pemantau berkenaan, letupan itu berlaku ketika wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Syria, Staffan de Mistura berusaha untuk mengadakan rundingan damai yang baharu di Geneva.

Mistura telah menjemput kum-

pulan yang bertelagah ke Geneva untuk rundingan tersebut, namun pihak pembangkang enggan mengadakan rundingan secara langsung dengan kerajaan.

Lebih 260,000 rakyat Syria terbunuh dalam konflik berkenaan yang turut menyebabkan hampir separuh daripada rakyatnya meninggalkan kediaman masing-masing untuk mencari perlindungan. - AFP